

10/05/1997

MT tidak bincang isu bekas MB

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Isu jawatan Naib Presiden Umno yang disandang bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, tidak menjadi agenda mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu, esok.

Setiausaha Agungnya, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata isu berkenaan sudah dibincangkan dalam mesyuarat MT pada 12 April lalu.

Menurutnya, antara agenda yang mungkin dibentangkan dalam mesyuarat kali ini ialah mengenai politik wang oleh jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Jawatankuasa berkenaan akan mengemukakan laporan hasil mesyuaratnya Rabu lalu yang antara lain menyentuh soal mesyuarat agung cawangan dan masalah yang dihadapinya," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas melawat pameran 100 tahun Penjara Pudu, di sini, hari ini.

Dalam mesyuarat itu, jawatankuasa pengurusan mengarahkan 140 cawangan Umno dalam bahagian Rantau Panjang mengadakan semula mesyuarat agungnya mulai 11 hingga 14 Mei ini, selepas sebahagian besar mesyuarat cawangan itu dikatakan tidak mengikut peraturan.

Keputusan itu dibuat selepas jawatankuasa berkenaan mendapati aduan berhubung perkara itu adalah benar.

"Di samping itu, seperti biasa mesyuarat MT esok akan membincangkan pelbagai isu semasa yang akan dibentangkan oleh Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Terpulang kepada Presiden untuk menentukan perkara yang akan dibangkitkannya. Ini kita tidak tahu, tetapi saya yakin beliau akan turut memaklumkan kepada ahli MT lawatannya ke Afrika baru-baru ini," katanya.

Selain itu, ketika ditanya kemungkinan Dr Mahathir melantik Anwar untuk memangku tugas Presiden Umno berikutan keputusannya bercuti panjang di luar negara, Sabbaruddin berkata, beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan ia dibincangkan, esok.

"Setakat ini, Presiden tidak ada cakap apa-apa, dalam sidang akhbar semalam pun, saya tidak dengar apa-apa," katanya.

Mengulas sama ada Perlembagaan mewajibkan Presiden melantik pemangku, beliau berkata, beliau tidak pasti sama ada Perlembagaan memperuntukkan perkara itu.

"Setakat ini, yang saya tahu, Presiden melantik timbalannya untuk memangku jawatan Perdana Menteri, itu saja," katanya.

Semalam, Dr Mahathir mengumumkan Anwar dilantik menjadi Pemangku Perdana Menteri yang mempunyai kuasa penuh Perdana Menteri.

Kali terakhir Dr Mahathir melantik pemangkunya ialah ketika Datuk Musa Hitam (sekarang Tan Sri) menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri menafikan percutian panjang kali ini berpunca masalah kesihatan, sebaliknya hanya untuk berehat dan melaksanakan beberapa urusan serta lawatan rasmi ke Eropah.

(END)